

Pelanggan Yang Dihormati,

Helaian Penerangan Produk memberikan anda maklumat penting mengenai takaful perubatan dan kesihatan anda.

Pelanggan lain telah membaca Helaian Penerangan Produk ini dan mendapati ianya membantu; **anda patut membacanya juga.**

Tarikh: 01/01/2026

1 Apakah Takaful myCI Cover?

Takaful myCI Cover memberi perlindungan takaful untuk **20** tahun. Ia membayar manfaat sekali gus sekiranya orang yang dilindungi didiagnosis dengan atau menjalani pembedahan, untuk mana-mana satu daripada 39 penyakit kritikal yang dilindungi semasa tempoh sijil.

Pelan ini menggunakan konsep-konsep Syariah seperti **Tabarru'**, **Wakalah** dan **Qard**.

2 Ketahui Perlindungan/Manfaat-Manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, untuk lelaki berumur 30 tahun dengan caruman takaful **RM 899.00** tahunan, anda akan menerima **perlindungan/manfaat-manfaat** takaful seperti berikut:

Penyakit Kritikal	<p>RM 100,000</p> <p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> Jumlah perlindungan untuk pelan ini akan dibayar sekiranya orang yang dilindungi hidup sehingga sekurang-kurangnya 30 hari selepas didiagnosis dengan atau menjalani pembedahan untuk mana-mana satu penyakit kritikal yang dilindungi. Hanya RM 10,000 akan dibayar untuk angioplasti dan rawatan invasif lain bagi perlindungan penyakit arteri koronari. Pembayaran ini tidak akan menamatkan pelan ini tetapi akan mengurangkan jumlah perlindungan pelan ini sewajarnya.
-------------------	---

Penyakit-penyakit kritikal yang dilindungi di bawah pelan ini termasuk:

- Kanser – keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal;
- Strok/Angin Ahmar – mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal berterusan; dan
- Serangan Jantung – keterukan tertentu.

Nota: Senarai ini adalah **tidak lengkap**. Sila baca Lampiran untuk senarai penuh penyakit kritikal yang dilindungi.

Takaful perubatan dan kesihatan anda **tidak melindungi:**

- penyakit yang telah wujud sebelum perlindungan bermula;
- sebarang keadaan yang telah wujud atau telah didiagnosis semasa tempoh menunggu, atau selepas tempoh menunggu kecuali bagi penyakit kritikal yang disebabkan kecederaan;
- sebarang tanda atau simptom sebelum atau semasa tempoh menunggu, walaupun diagnosis dibuat selepas tempoh menunggu;
- penyakit disebabkan oleh bahan senjata nuklear, radiasi pengion, pencemaran radioaktif, atau pembakaran bahan api nuklear;
- penyakit yang berlaku ketika berada di bawah pengaruh alkohol, dadah, atau bahan yang mengubah fikiran; atau
- penyakit disebabkan kecederaan diri sendiri dan kecacatan fizikal.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan untuk takaful perubatan dan kesihatan anda, anda boleh:



Hubungi kami di:
1-300 88 252 385



Kunjungi kami di:
<https://www.takaful-malaysia.com.my/products/takaful-myci-cover/>



E-mel kami di:
csu@takaful-malaysia.com.my

3 Ketahui Tanggungjawab Anda

Untuk takaful perubatan dan kesihatan anda, anda perlu membayar caruman takaful sebanyak:

Caruman Takaful	RM 899.00 tahunan
Tempoh: Sehingga umur 50	

Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
Yuran Wakalah	30% daripada caruman takaful atau RM269.70 tahunan sehingga umur 50. Yuran Wakalah, ditolak terlebih dahulu sebagai suatu peratusan daripada caruman takaful untuk memenuhi perbelanjaan pemasaran dan pentadbiran kami.
Duti Setem	Dibayar oleh Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad.

4 Terma Utama Lain

- Anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang sewajarnya untuk tidak memberikan maklumat palsu atau tidak tepat apabila memohon untuk pelan ini. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan tuntutan anda ditolak dan/atau sijil ditamatkan.
 - Sila maklumkan kepada kami dengan segera sekiranya berlaku kejadian yang mengakibatkan tuntutan.
 - Tempoh menunggu sebanyak 60 hari dikenakan bagi kanser, serangan jantung, pembedahan pintasan arteri koronari, penyakit arteri koronari serius dan angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari; manakala tempoh menunggu 30 hari dikenakan untuk penyakit kritikal yang dilindungi yang lain.
 - Orang yang dilindungi mestilah hidup sehingga 30 hari selepas didiagnosis atau menjalani pembedahan untuk penyakit kritikal yang dilindungi.
- Nota:** Senarai ini adalah **tidak lengkap**. Anda hendaklah merujuk kepada sijil untuk senarai penuh terma dan syarat.

? Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Ya, anda boleh membatalkan sijil anda dengan memberi notis bertulis kepada kami.

- **Tempoh Penelitian Percuma:** Anda boleh membatalkan sijil anda dengan memulangkan semula sijil dalam tempoh 15 hari dari tarikh penghantaran sijil kepada anda. Caruman takaful yang telah anda bayar akan dibayar balik kepada anda.
- **Notis Bertulis:** Sekiranya anda memilih untuk menyerahkan sijil anda selepas tempoh penelitian percuma 15 hari, anda boleh memohon untuk menyerahkan sijil anda dengan mengisi borang penyerahan dan menghantarkannya kepada kami. Tiada nilai serahan akan dibayar kerana sijil akan kekal berkuat kuasa sehingga tarikh caruman patut dibayar yang akan datang.

Pengakuan Pelanggan*

Sila pastikan anda mengisi bahagian ini sendiri dan anda sedar akan tujuan tandatangan anda.

Saya sudah membaca dan memahami informasi penting yang terdapat dalam Helaian Penerangan Produk ini.

* Pengakuan anda terhadap Helaian Penerangan Produk ini tidak akan menjejaskan hak anda untuk mendapatkan ganti rugi sekiranya berlaku sebarang pertikaian berkaitan terma dan syarat produk.

Nama:

Tarikh:



Konsep Syariah

Tabarru'	<ul style="list-style-type: none"> • Derma untuk tujuan kebajikan. • Anda menderma suatu amaun daripada caruman takaful anda selepas penolakan yuran Wakalah, ke dalam Akaun Khas Peserta (AKP) untuk membantu peserta lain. • Tabarru' berkuat kuasa apabila anda mencarum ke dalam AKP.
Wakalah	<ul style="list-style-type: none"> • Suatu kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal, memberi kuasa kepada satu pihak yang lain sebagai wakilnya. • Wakil tersebut akan melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan upah. • Di bawah pelan ini, anda memberi kuasa kepada kami untuk menguruskan sijil, dan sebagai balasannya, kami akan menerima yuran Wakalah.
Qard	<ul style="list-style-type: none"> • Pinjaman tanpa sebarang faedah. • Di bawah pelan ini, kami akan meminjamkan sejumlah wang ke dalam AKP tanpa faedah sekiranya AKP mengalami defisit untuk membayar tuntutan.



Terma & Syarat Utama Lain

Caruman Takaful	<p>a) Caruman takaful bergantung kepada jumlah perlindungan, umur kemasukan, jantina peserta dan tempoh perlindungan.</p> <p>b) Kadar caruman takaful adalah tidak dijamin dan kami berhak untuk menyemak semula amaun caruman takaful. Kami akan memaklumkan anda sekurang-kurangnya 30 hari sebelum ianya berkuatkuasa.</p> <p>c) Caruman takaful seterusnya akan ditolak secara automatik daripada kad debit/kredit yang dipilih berdasarkan mod bayaran yang telah anda pilih, untuk memastikan perlindungan berterusan kepada orang yang dilindungi.</p>
Tempoh Tangguh	Anda mempunyai 30 hari daripada tarikh akhir untuk membayar caruman takaful. Sekiranya caruman takaful tidak dibayar pada akhir tempoh tangguh, perlindungan takaful anda akan dihentikan.
Kuat Kuasa Semula	Sekiranya sijil anda telah tamat akibat caruman takaful tidak dibayar, anda boleh menguat kuasa semula sijil anda, tertakluk kepada syarat-syarat kami.
Lain-lain	<p>a) Adalah penting untuk anda mengemas kini di portal myTakaful Customer atau memaklumkan kepada kami sekiranya terdapat sebarang perubahan maklumat untuk menghubungi anda bagi memastikan semua urusan surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.</p> <p>b) Pelan ini diedarkan tanpa sebarang pengantara.</p> <p>c) Anda hanya boleh dilindungi di bawah satu pelan Takaful myCI Cover sahaja.</p>

Nota:

Senarai di atas adalah **tidak lengkap**. Sila rujuk kepada sijil anda untuk senarai penuh terma dan syarat di bawah pelan ini.



Perlindungan/Manfaat-manfaat

Senarai Penyakit Kritikal yang Dilindungi	Senarai Penyakit Kritikal yang Dilindungi	
	1. Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk	21. Kegagalan Buah Pinggang – memerlukan dialisis atau transplantasi buah pinggang
	2. Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari	22. Kehilangan Kewujudan Bebas
	3. Meningitis Bakteria – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian	23. Kehilangan Pertuturan

4. Tumor Otak Benign - dengan tahap keparahan tertentu	24. Trauma Kepala Utama - mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
5. Buta - Kekal dan Tidak Dapat Dipulihkan	25. Transplantasi Organ Utama / Sumsum Tulang
6. Pembedahan Otak	26. Penyakit Motor Neuron - defisit neurologi kekal dengan gejala klinikal yang berterusan
7. Kanser - dengan tahap keparahan tertentu dan tidak melindungi kanser yang sangat awal	27. Sklerosis Berbilang
8. Kardiomiopati - dengan tahap keparahan tertentu	28. Distrofi Otot
9. Anemia Aplastik Kronik - mengakibatkan Kegagalan Sumsum Tulang kekal	29. Lumpuh anggota badan
10. Koma - mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan gejala klinikal yang berterusan	30. Penyakit Parkinson - mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
11. Pembedahan Pintasan Arteri Koronari	31. Hipertensi Arteri Pulmonari Primer - dengan tahap keparahan tertentu
12. Pekak - Kekal dan Tidak Dapat Dipulihkan	32. Penyakit Arteri Koronari yang Serious
13. Ensefalitis - mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian	33. Strok - mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan gejala klinikal yang berterusan
14. Kegagalan Hati Tahap Akhir	34. Pembedahan kepada Aorta
15. Penyakit Paru-paru Tahap Akhir	35. Lupus Eritematosus Sistemik dengan Komplikasi Buah Pinggang yang Teruk
16. AIDS Penuh	36. Lecur Tahap Ketiga - dengan tahap keparahan tertentu
17. Hepatitis Viral Fulminan	37. Jangkitan HIV Disebabkan Pekerjaan
18. Serangan Jantung - dengan tahap keparahan tertentu	38. Penyakit Terminal
19. Pembedahan Injap Jantung	39. Penyakit Cystic Medullary
20. Jangkitan HIV Disebabkan Pemindahan Darah	

Aktiviti Kehidupan Harian adalah seperti berikut:

- Pemindahan - Duduk dan bangun dari kerusi tanpa memerlukan bantuan fizikal.
- Pergerakan - Keupayaan untuk bergerak dari satu bilik ke bilik yang lain tanpa memerlukan bantuan fizikal.
- Perihal Mengawal - Keupayaan untuk mengawal fungsi usus dan pundi kencing secara sendirinya untuk menjaga kebersihan diri.
- Pemakaian - Memakai dan menanggalkan kesemua pakaian yang perlu tanpa memerlukan bantuan orang lain.
- Mandi/Membersihkan diri - Keupayaan untuk membersihkan diri di tempat mandi tab atau mandi pancuran (termasuk memasuki dan keluar dari tab mandi atau mandi pancuran) atau membersihkan diri dengan cara yang lain.
- Makan - Kesemua tugas memasukkan makanan ke dalam badan apabila makanan telah disediakan.

NOTA PENTING:

PENYERTAAN DI DALAM PELAN TAKAFUL KELUARGA ADALAH KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA HARUS MEMILIH JENIS PELAN YANG BERSESUAIAN DENGAN KEADAAN PERIBADI ANDA. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN HUBUNGI SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA KELUARGA BERHAD SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

MANFAAT-MANFAAT YANG DIBAYAR DI BAWAH SIJIL YANG LAYAK ADALAH DILINDUNGI OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PIDM) SEHINGGA HAD PERLINDUNGAN. SILA RUJUK BROSUR SISTEM PERLINDUNGAN MANFAAT TAKAFUL DAN INSURANS (“[TIPS](#)”) PIDM ATAU HUBUNGI SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA KELUARGA BERHAD ATAU PIDM (LAYARI WWW.PIDM.GOV.MY).

Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad [198401019089 (131646-K)] adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan diselia oleh Bank Negara Malaysia.